



# PENDETA ZA'BA TOKOH PEJUANG BAHASA MELAYU

**Z**a'ba merupakan seorang tokoh ilmuwan, sasterawan, ahli bahasa, ahli falsafah, tokoh politik dan pemikir ekonomi yang banyak memberikan sumbangan besar terhadap kemajuan bangsa dan negara, terutamanya dalam bidang bahasa Melayu sehingga digelar seorang pendeta.

Tan Sri Dr. Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba dilahirkan pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan. Beliau merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik.

Za'ba mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir di Linggi dan seterusnya Sekolah Melayu Linggi, Negeri Sembilan. Kemudian, Za'ba menyambung pengajian di Institusi St. Paul, Seremban. Za'ba berjaya memperoleh Sarjana Muda Sastera dalam bidang Pengajian Bahasa Melayu dan Bahasa Arab pada tahun 1953.

Kerjaya Za'ba bermula sebagai guru sandaran di English College, Johor Bahru pada tahun 1916 dan menjadi Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura pada tahun 1953. Za'ba juga pernah berkhidmat di beberapa buah sekolah, jabatan dan institusi. Antaranya termasuklah Kolej Melayu Kuala Kangsar (1918), Jabatan Pendidikan, Kuala Lumpur (1923), Kolej Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (1924), Jabatan Maklumat, Singapura (1939-1942),

Pusat Pengajian Kajian Timur dan Afrika, Universiti London (1942-1951) dan Universiti Malaya, Singapura (1954-1959).

Pada tahun 1937, Za'ba dilantik menjadi Penasihat Umum bagi Persaudaraan Sahabat Pena Malaya dan Yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor pada tahun 1945. Za'ba juga merupakan Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang pertama.

Sumbangan Za'ba dalam bidang penulisan dan bahasa Melayu sangat besar. Beliau menghasilkan kitab yang berjudul *Pelita Bahasa Melayu* dan buku tatabahasa *Ilmu Mengarang Melayu* sebagai rujukan kepada masyarakat yang ingin mempelajari serta mendalami bahasa Melayu. Kedua-dua buah buku ini dijadikan sebagai buku teks sekolah sehingga selepas Perang Dunia Kedua. Selain itu, beliau juga menulis *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society (JAMBRAS)* sebagai usaha memperkenalkan bahasa Melayu kepada orang asing.

Penulisan Za'ba tidak hanya tertumpu pada persuratan Melayu sahaja. Sebaliknya merangkumi bidang ekonomi, agama serta sikap orang Melayu. Ketegasan Za'ba dalam penulisan jelas kelihatan tatkala beliau menulis tentang kemiskinan dan cara-cara mengatasi kemunduran ekonomi masyarakat Melayu pada zaman itu.

Za'ba antara individu yang bertanggungjawab merancang kurikulum sekolah, menjadi penterjemah dan pensyarah serta menulis buku yang boleh dijadikan sebagai rujukan pendidikan di Malaya dan Sumatera. Karya penulisannya merangkumi pelbagai aspek bahasa, kesusasteraan, ekonomi, politik, agama dan pendidikan. Bahkan, Za'ba

turut menggabungkan tatabahasa bahasa Inggeris dan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu sehingga diguna pakai dalam penerbitan buku teks dan bahan bacaan umum.

Za'ba dianugerahkan gelaran "Pendeta Bahasa Melayu" pada tahun 1956 semasa Majlis Kongres Persuratan Melayu Ketiga di Johor Bahru. Pada tahun 1962, beliau dianugerahi Pingat Bintang Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran "Tan Sri" dan memperoleh Ijazah Doktor Kehormat Persuratan pada tahun 1973 daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pada tanggal 23 Oktober 1973, Za'ba menghembuskan nafas terakhir dalam usia 78 tahun dan disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Sumbangan beliau dalam memartabatkan bahasa Melayu terus dikenang hingga kini kerana beliau berjaya membawa perubahan yang besar dalam bidang penulisan dan identiti bahasa Melayu sebagai lingua franca. <sup>es</sup>

## Karya Penulisan Za'ba

- *Temasya Mandi Safar di Tanjung Kling* (1916)
- *Ilmu Bahasa Melayu* (1926)
- *Rahsia Ejaan Jawi* (1929)
- *Umbi Kemajuan* (1932)
- *Falsafah Takdir* (1932)
- *Pendapatan Perbincangan Ulama pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba* (1934)
- *Pelita Mengarang: Ilmu Mengarang Melayu* (1934)
- *Daftar Ejaan Melayu: Jawa-Rumi* (1938)
- *Siri Pelita Bahasa Melayu*, Jilid I (1940), Jilid II (1946), Jilid III (1949)
- *Asuhan Budi Menerusi Islam* (1958)